

NAMA:

1. (No. K/P:)
2. (No. K/P:)

LANGKAH MENGHIDUPKAN PERMAINAN TRADISIONAL KEMBALI

Selamat sejahtera saya ucapkan kepada guru Bahasa Melayu, _____. Pada pagi ini saya _____ dan rakan saya _____ akan membincangkan langkah menghidupkan permainan tradisional kembali.

Masyarakat Malaysia sekarang memang kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional yang diwarisi daripada nenek moyang kita dahulu. Saya ingin berkongsi dengan awak sejarah permainan tradisional ini. Dahulu, ketika penduduk Malaysia kebanyakannya masih petani dan nelayan, mereka bekerja keras dan secara berkumpulan. Mereka mula berkerja dari awal pagi sehingga lewat tengah hari. Pada waktu petang pula, mereka akan menghilangkan penat dengan bermain beramai-ramai. Sekali sekala, mereka akan mengadakan pertandingan untuk menonjolkan bakat masing-masing. Permainan-permainan ini tidak memerlukan peralatan yang canggih atau mahal dan dimainkan golongan dewasa dan kanak-kanak. Bola diperbuat daripada rotan sementara mainan-mainan lain diperbuat daripada bahan-bahan semula jadi seperti biji getah, tempurung kelapa dan buluh. Ketika itu, radio dan televisyen tidak dimiliki ramai jadi permainan tradisional berperanan sebagai sumber hiburan masyarakat. Permainan-permainan ini juga merapatkan hubungan antara jiran tetangga..

Antara permainan tradisional yang agak popular ialah congkak, batu seremban, wau, gasing, dan galah panjang. Namun begitu, permainan ini semakin pupus kerana kurang diminati oleh masyarakat kini. Dengan peredaran masa dan perubahan cara hidup, permainan tradisional lama kelamaan diganti dengan aktiviti-aktiviti riadah yang lain. Permainan tradisional seperti gasing dan layang-layang diteruskan sebagai tarikan pelancong sementara permainan kanak-kanak seperti polis dan pencuri dan guli diabaikan kerana kanak-kanak lebih mengutamakan mainan-mainan keluaran kilang. Kini, permainan elektronik dan digital seperti Nintendo dan Playstation pula yang menjadi pilihan mereka. Permainan tradisional dianggap tiada nilai komersial dan ditambah pula dengan pengaruh barat yang semakin menular sejajar dengan perkembangan ICT yang begitu pesat. Oleh hal yang demikian, hal ini menjadi kebimbangan yang serius dalam kalangan tokoh-tokoh budaya dan generasi-generasi tua. Semua pihak seperti ibu bapa, guru-guru dan pemimpin masyarakat perlu berusaha menghidupkan kembali permainan tradisional.

Tidak dinafikan, langkah-langkah proaktif perlu diambil supaya permainan tradisional ini tidak pupus dek zaman. Antaranya, Kerajaan Pahang bersedia menyetengahkan permainan tradisional rakyat khususnya gasing pangkah sebagai produk pelancongan baru untuk tarikan pelancong asing dan domestik ke negeri ini. Bukan itu sahaja, generasi sekarang dan akan datang dapat berbangga dengan permainan warisan nenek moyang mereka,. Selain, langkah lain yang dapat dilaksanakan dengan memperkenalkan permainan tradisional kepada para pelajar sekolah dan permainan ini sewaktu mata pelajaran pendidikan jasmani ataupun kegiatan kokurikulum di luar bilik darjah.

Di sekolah, pertandingan antara kumpulan, kelas, atau sekolah. Dengan itu, pelajar yang kreatif berpeluang mengembangkan bakat dan daya kreativiti. Sementara itu pertunjukan dan pertandingan dan permainan tradisional juga perlu diadakan dari masa ke semasa. Menerusi usaha bersepadu ini sudah tentu masyarakat akan mengenali dan menjadikan permainan tradisional sebagai amalan mereka pada masa lapang. Pada pendapat kamu, apakah kepentingan permainan tradisional ini ?

Antaranya permainan tradisional ternyata dapat menyatupadukan masyarakat. Hal ini bererti bahawa jalinan muhibah dan rasa persaudaraan wujud dalam kalangan masyarakat. Selalunya permainan tradisional bukan sahaja memberi hiburan, malah manfaat terhadap kecerdasan rohani dan jasmani sewaktu bermain, terutama di luar rumah. Keadaan ini berlaku kerana pemainnya menggunakan gerakan otot, seperti lengan, kaki, dan mata. Hal ini akan melahirkan badan yang sihat serta melatih

kanak-kanak tentang sifat positif atau mulia seperti tolong menolong, bersatu padu, bertolak ansur, dan bertanggungjawab. Mereka akan bersatu tenaga untuk memenangi sesuatu permainan. Semangat ingin mencapai kejayaan tertanam di dalam jiwa mereka. Sewaktu bermain, mereka dapat berhubung dengan rakan sebaya dan secara tidak langsung melatih mereka bergaul. Perbualan spontan antara mereka akan menambahkan perbendaharaan kata.

Selain itu, permainan kanak-kanak dapat melatih mereka untuk menjadi pemimpin dan orang yang dipimpin. Mereka akan akur pada ketua dan syarat pertandingan. Sifat bertolak ansur dan bertanggungjawab dapat dipupuk. Lagu yang ada dalam permainan kanak-kanak akan melatih mereka menyebut perkataan dengan betul dan lancar. Latihan mengira turut ada dalam permainan, contoh hanya, dalam selambut dan congkak. Permainan ini memerlukan kepintaran bertindak dan kecekapan akal. Setiap gerak, walaupun nampak mudah, iaitu sekadar mengambil dan mengatur kembali biji guli dari lubang ke lubang, mempunyai maknanya yang tersendiri. Permainan tradisional mampu melahirkan masyarakat yang kreatif yang penuh dengan nilai kesenian kerana untuk menghasilkan sesuatu alat permainan, seperti gasing dan wau, kemahiran dan ketelitian diperlukan. Gasing atau wau yang baik bergantung pada pembuat dan pemain. Secara tidak langsung, hal ini "memaksa" masyarakat berfikir untuk menghasilkan kelainan.

Tidak dapat dinafikan bahawa permainan tradisional banyak membawa manfaat dan peranan kepada masyarakat umumnya. Dalam bidang pelancongan, permainan tradisional dapat dijadikan daya tarikan pelancong. Dalam usaha mengekalkan permainan tradisional ini, pihak yang berkenaan haruslah mengambil langkah yang sesuai untuk mengetengahkan kepelbagaiannya. Khazanah permainan tradisional, sekiranya tidak dikekalkan akan menghilangkan pengenalan peribadi dan jati diri bangsa.

Oleh itu, mulai hari kita juga perlu menyokong usaha untuk menghidupkan permainan tradisional kembali. Petang ini kita ajak rakan-rakan kita bermain guli di padang di taman perumahan saya.

Bagus juga. Saya akan pergi nanti.